

29/12/2003

Muzik malap, filem terang

Zul Husni Abdul Hamid

KETEGASAN kerajaan menangani masalah cetak rompak produk yang dihasilkan dalam format kaset, cakera padat (CD) dan cakera padat video (VCD) haram sepanjang 2003 memberi nafas baru kepada industri hiburan selepas sekian lama bergelut dengan masalah yang tidak berkesudahan. Angkara itu memberi kesan buruk terhadap industri ini sehingga menyebabkan kegiatan seni hiburan turut bergerak lesu pada awal tahun ini. Akibat kegiatan cetak rompak yang kembali bertenaga dan berleluasa menyebabkan pada awal tahun ini, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan arahan menggempur sarang cetak rompak dan membawa mereka terbabit ke muka pengadilan.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya pihak polis dan penguat kuasa bertindak lebih pantas dan bijak dalam membanteras pendedaran CD dan VCD haram juga menunjukkan hasil yang positif menjelang akhir tahun apabila penjualan produk sedemikian kini sukar dilihat secara terbuka. Meskipun ia masih berlaku tetapi jumlahnya sudah dianggap tidak banyak berbanding sebelumnya.

Hasil tindakan tegas kerajaan itu, penjualan CD dan VCD di tempat terbuka mencatat penurunan besar sebanyak 93.2 peratus, menurut laporan statistik pada November lalu. Berikutan penguatkuasaan itu, bilangan premis terbuka yang menjual CD dan VCD haram menurun daripada 2,386 pada Julai 2001 kepada 163 hingga Oktober lalu.

Antara faktor utama menyebabkan CD dan VCD cetak rompak masih wujud disebabkan perbezaan harga di antara produk tulen dan cetak rompak. Jurang harga yang ketara di antara produk tulen dengan cetak rompak adalah antara pendorong gejala cetak rompak di negara ini. Sehubungan itu, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta kerjasama pihak industri supaya mengkaji semula struktur harga CD dan VCD tulen supaya dapat dijual pada harga yang mampu dibayar pengguna, sekali gus menyaingi harga produk cetak rompak.

September lalu, kerajaan mengumumkan harga siling bagi CD antara RM21 hingga RM29, manakala VCD dijual pada harga RM14, yang akan berkuat kuasa 1 Januari depan. Penetapan harga CD dibahagikan kepada dua kategori iaitu tempatan dengan harga siling RM21 dan antarabangsa berharga RM29.

Bagaimanapun, pengumuman itu mendapat bantahan daripada 13 syarikat pengeluar CD dan VCD yang dinaungi Persatuan Industri Muzik dan Motion Picture Association yang tidak bersetuju dengan harga siling produk itu.

Penurunan harga yang dibuat kerajaan itu didakwa terlalu rendah dan akan memberi kesan negatif kepada mereka yang terbabit dalam industri muzik dan hiburan tempatan, sekali gus membunuh masa depan industri itu yang selama ini berhadapan dengan pelbagai kemelut terutama cetak rompak.

Namun, pada 10 Disember lalu kerajaan menangguhkan penguatkuasaan penetapan harga siling bagi CD dan VCD daripada 1 Januari kepada 1 April depan.

Penangguhan itu bagi memberi peluang kepada industri muzik dan filem menghabiskan stok kira-kira 200 juta CD dan VCD tempatan dalam tempoh tiga bulan. Keputusan itu dibuat Kabinet kerana mahu memberi peluang kepada penggiat industri muzik dan filem berbincang semula dengan KPDNHEP mengenai harga siling produk terbabit.

Sepanjang 2003, sektor rakaman muzik menyaksikan syarikat rakaman lebih memberi tumpuan kepada produksi album kompilasi, terutama syarikat antarabangsa, berbanding album baru. Mereka terpaksa mengambil sikap berhati-hati kerana banyak menanggung kerugian, lebih-lebih lagi ketika kegawatan ekonomi dan kelembapan pasaran album sebelum ini. Situasi suram itu dapat dilihat apabila pencalonan bagi Anugerah Industri Muzik 2004 difahamkan menunjukkan penurunan 30 peratus bagi jumlah pencalonan album

baru, berbanding tahun lalu.

Antara lain, keengganan penghasilan album baru juga berikutan penetapan harga siling yang belum dikuatkuasa membuatkan tidak banyak syarikat rakaman mengambil langkah berani menghasilkan album baru.

Biarpun perangkaan itu dilihat membimbangkan ketika ini, namun jumlah penghasilan album dijangka menunjukkan peningkatan tahun depan. Petanda positif ini berdasarkan kerancakan sebahagian besar syarikat rakaman yang kembali merancang pembikinan album baru, selain ramai artis mula sibuk di studio rakaman. Penetapan harga siling yang bakal dikuatkuasakan 1 April depan dijangka bakal mencetuskan satu fenomena dalam industri rakaman.

Di sebalik kesuraman itu, beberapa anak seni masih berjaya mencatat kecemerlangan sepanjang 2003 dengan beberapa pencapaian membanggakan.

Biduanita evergreen, Sharifah Aini dan tokoh veteran filem Melayu, Datuk L Krishnan menerima gelaran Datuk sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, pada 7 Jun lalu. Penyanyi Yusni Hamid dan seniman Mustapha Maarof turut menerima gelaran Datuk masing-masing daripada Sultan Pahang dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Pejuang seni irama Melayu asli tanah air, Tan Sri S M Salim dianugerahkan Ijazah Kehormat Master Muzik (Persembahan) pada Majlis Konvokesyen Ke-27, Universiti Putra Malaysia, Mei lalu sebagai pengiktirafan sumbangannya dalam usaha memartabatkan seni muzik.

Penyanyi Siti Nurhaliza pula menerima Anugerah Belia Cemerlang 2003 (The Outstanding Young Malaysian Awards - TOYM) dan penyanyi baru, Misha Omar memenangi Anugerah Emas pada Festival Muzik Asia Ke-6 di Shanghai, China pertengahan November lalu.

Ketika industri muzik berhadapan dengan kesuraman, industri perfileman pula menunjukkan peningkatan memberangsangkan berikutan bertambahnya jumlah filem yang dihasilkan pada tahun ini. Tahun lalu, jumlah filem cereka yang dihasilkan hanya 13 judul namun pada 2003, jumlahnya meningkat kepada lebih 20 judul.

Peningkatan itu bukan saja pada bilangan filem cereka tetapi juga banyak drama TV dan cereka drama dalam VCD diterbitkan. Biarpun terpaksa bersaing dengan filem import dan menghadapi saingan cereka VCD tempatan yang semakin galak dihasilkan, namun filem cereka masih punya khalayaknya.

Bagaimanapun, kepesatan industri perfileman juga digugat apabila berhadapan masalah tidak cukup panggung kerana saingan filem import. Malah, ada penerbit kesal dengan tindakan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia membenarkan tayangan lima filem dalam tempoh sebulan ketika musim perayaan Aidilfitri sehingga Krismas, tanpa mengambil kira bilangan pawagam yang sedikit, selain saingan filem import menjadikan nasib filem Melayu dipinggirkan.

Namun, kesungguhan kerajaan yang terus memberi perhatian terhadap aspek kesenian dan kebudayaan seperti pengumuman Dr Mahathir dalam Bajet 2004 juga memberi sinar baru kepada penggiat seni. Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004, menjelaskan kerajaan menyediakan peruntukan RM80.3 juta untuk meningkatkan lagi kecemerlangan dan pendidikan seni, khusus untuk kegiatan dan latihan seni serta budaya. Selain peruntukan itu, kerajaan juga menyediakan peluang baru kepada pengusaha filem dengan kemudahan membuat pinjaman dan modal teroka daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia.

Musim 2003 juga menyaksikan negara kehilangan permata seni dengan pemergian seniman M Amin, Ahmad Merbawi atau Tok Perak, Ibrahim Pendek, seniwati Sharifah Hanim dan penyanyi Syed Anaz.